



MOHD AMIN JALLI | BERITA HARIAN

TAN menunjukkan peralatan bengkel miliknya yang cuba dicuri penjenayah sambil disaksikan Norasham (kiri) dan seorang ahli Jawatankuasa KRT Taman Rasah Jaya.

Berita Harian 15 DEC 2010 M/S 3

# Pecah rumah, ragut kembali aktif

Penduduk Taman Rasah Jaya bimbang

**R**ASAH: Kegiatan pecah rumah, curi motosikal dan ragut yang kembali aktif di Taman Rasah Jaya di sini, sejak kebelakangan ini membimbangkan kira-kira 1,500 orang penduduk taman itu, sekali gus mendorong mereka lebih berwaspada termasuk waktu siang.

Dalam kejadian terbaru Jumaat minggu lalu, pagar rumah seorang penduduk yang juga ahli jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) taman itu, Tan Kah Ban, 50, dirosakkan sekumpulan individu yang dipercayai mahu mencurinya bagi dijadikan besi buruk.

Pengerusi KRT 4 Taman Rasah Jaya, Norsham Jaafar, berkata kejadian itu dipercayai berlaku antara jam 1 hingga 2 petang ketika mangsa dan ahli keluarga tiada di rumah kerana keluar bekerja.

Katanya, beberapa jiran ternampak sekumpulan tiga lelaki berusia awal 20-an menaiki sebuah kereta memasuki kawasan rumah mangsa untuk mencuri, tetapi membatalkannya apabila menyedari perbuatan mereka diperhatikan beberapa iiran.

“Sebelum ini pernah berlaku beberapa kejadian pecah rumah dan curi motosikal di taman ini tetapi ia sudah lama lenyap dengan yang terakhir pada pertengahan tahun ini, tetapi kebelakangan ini aktiviti jenayah itu kembali aktif.

“Pada bulan lalu saja, dua kes cubaan pecah rumah berlaku di sini, tetapi penjenayah gagal memasuki rumah mangsa.

“Menyedari keadaan itu, KRT taman ini menerusi Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang sudah ditubuhkan sejak tahun lalu, memperhebatkan lagi rondaan malam, manakala pada waktu siang, aktiviti pemantauan turut digiatkan demi keselamatan penduduk.”



*Pada bulan lalu saja, dua kes cubaan pecah rumah berlaku di sini, tetapi penjenayah gagal memasuki rumah mangsa”*

**Norsham Jaafar**

Pengerusi KRT 4 Taman Rasah Jaya

katanya di sini.

Norsham berkata, dalam kes kehilangan motosikal, penjenayah bukan saja memilih motosikal baru tetapi mereka turut melarikan motosikal lama, dipercayai untuk mendapatkan aksesori sebelum dijual kepada pembeli yang berminat.

Beliau berkata, KRT sering mengingatkan penduduk taman itu supaya sentiasa berwaspada dengan mengambil langkah keselamatan terutama membabitkan barangan berharga ketika meninggalkan rumah masing-masing bagi memastikan tidak menjadi sasaran penjenayah.

Katanya, selain itu, penduduk terutama wanita dan remaja perempuan juga diingatkan supaya tidak berjalanan keseorangan bagi mengelak mereka menjadi sasaran peragut yang sering mencari peluang untuk melakukan kegiatan itu.

“Setakat ini, SRS ada menerima beberapa laporan membabitkan kejadian ragut yang berlaku dalam kawasan taman ini dalam tempoh tiga bulan kebelakangan ini dan berharap orang ramai bersikap berhati-hati supaya mereka tidak mudah menjadi mangsa.” katanya.